



TITAH DIRAJA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SELAKU
TUANKU CANSELOR**

SEMPENA

**ISTIADAT KONVOKESYEN KE-90
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

PADA

**23 MAC 2019 [SABTU]
BERSAMAAN 16 REJAB 1440 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

**DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR
UITM, SHAH ALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

SEGALA PUJI-PUJIAN BAGI ALLAH SUBHANAHU WATAALA, TUHAN PENGUASA SEKALIAN ALAM. SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM; AHLI KELUARGA DAN PARA SAHABAT BAGINDA.

IZINKAN PADUKA ANAKANDA MEMULAKAN TITAH DENGAN MENJUNJUNG KASIH ATAS PERKENAN KEBERANGKATAN PADUKA AYAHANDA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADIN WADDAULAH; SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUS-SALAM.

KEBERANGKATAN PADUKA AYAHANDA BAGI MENERIMA PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEPIMPINAN ISLAM; TELAH MENGANGKAT DARJAT KEMULIAAN ISTIADAT KONVOKESYEN INI.

SEBAGAI CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA; PADUKA ANAKANDA MERASA SANGAT BERTUAH LAGI BERBESAR HATI KERANA TELAH DI-IZINKAN OLEH ALLAH SUBHANAHU WATAALA UNTUK MENGURNIAKAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEPIMPINAN ISLAM KEPADA PADUKA AYAHANDA.

SESUNGGUHNYA; BIDALAN MELAYU LAMA "RAJA SOLEH PEMBAWA BERKAT" ADALAH UNGKAPAN YANG TEPAT MENCERMINKAN PEMERINTAHAN PADUKA AYAHANDA SEHINGGA MEMBAWA KEMAKMURAN KEPADA NEGARA BRUNEI DARUS-SALAM.

PEMERINTAHAN YANG BERPAKSIKAN KEPADA FALSAFAH "MELAYU ISLAM BERAJA" YANG DIJUNJUNG OLEH PADUKA AYAHANDA DALAM SETIAP ASPEK PENTADBIRAN NEGARA DAN SOSIO BUDAYA; TELAH BERJAYA MEMBENTUK IDENTITI NEGARA, BANGSA DAN TAMADUN BRUNEI DARUS-SALAM YANG BERASASKAN KEPADA AJARAN ISLAM.

KEKUATAN FALSAFAH "MELAYU ISLAM BERAJA" ADALAH BERAKAR UMBI DI ATAS 3 KOMPONEN UTAMA.

PERTAMA IALAH KOMPONEN "MELAYU." IANYA MEMBENTUK JATI DIRI MELAYU DAN SEMANGAT PATRIOTISME DALAM MEMPERTAHANKAN NEGARA. KOMPONEN "MELAYU" JUGA MEMARTABATKAN BUDAYA, TATASULISA DAN BAHASA MELAYU SEBAGAI IDENTITI NEGARA BRUNEI DARUS-SALAM. IANYA JUGA MENJIWAI NILAI-NILAI KEMELAYUAN YANG SENTIASA MEMATUHI PEMERINTAH DAN MENGHORMATI PARA ULAMAK DAN UMARA.

KOMPONEN "ISLAM" PULA; ADALAH PEGANGAN UTAMA NEGARA BRUNEI DARUS-SALAM DAN RAKYAT JELATA KEPADA AJARAN ISLAM AKIDAH AHLI SUNNAH WAL-JAMAAH DAN FIQAH MAZHAB SYAFIE.

MANAKALA; KOMPONEN "BERAJA" ADALAH TAAT SETIA YANG TIDAK BERBELAH BAHAGI OLEH RAKYAT JELATA KEPADA SULTAN YANG MEMEGANG AMANAH ALLAH.

FALSAFAH "MELAYU ISLAM BERAJA" YANG MENJADI PEGANGAN NEGARA BRUNEI DARUS-SALAM ADALAH SELARI DENGAN KONSEP TAMADUN ISLAM YANG MENGUTAMAKAN NILAI-NILAI RABBANI, TAQWA DAN ILMU; DISAMPING PEMODENAN FIZIKAL. IANYA JELAS BERBEZA DENGAN KONSEP TAMADUN BARAT YANG HANYA MENITIK-BERAT KEPADA PEMBANGUNAN FIZIKAL SEMATA-MATA.

FALSAFAH "MELAYU ISLAM BERAJA" BUKAN LAH HANYA SEBUAH SLOGAN MAHUPUN SEKADAR KONSEP. IANYA ADALAH PEGANGAN BAHAWA NEGARA BRUNEI DARUS-SALAM ADALAH NEGARA MELAYU YANG BERPANDUKAN AQIDAH ISLAM DENGAN ULIL-AMRI SEBAGAI PEMERINTAH NEGARA.

SEHUBUNGAN ITU, AMATLAH BERTEPATAN BAGI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DENGAN NILAI WARISAN SEJARAH YANG SARAT IKATAN PERTALIAN DENGAN BANGSA MELAYU, AGAMA ISLAM SERTA INSTITUSI YANG DI-PERTUAN AGONG; UNTUK MENGANUGERAHKAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEPIMPINAN ISLAM KEPADA SEORANG TOKOH SERTA LAGENDA KEPIMPINAN DUNIA MELAYU ISLAM YANG TIADA BANDINGAN-NYA.

AMPUN TUANKU.

PADUKA ANAKANDA MEMOHON PERKENAN UNTUK MENZAHIRKAN SEPATAH DUA TITAH KEPADA PARA HADIRIN DAN HADIRAT YANG HADIR BERSAMA PADA PAGI YANG PENUH BERSEJARAH INI.

ALHAMDULILLAH. BETA INGIN MENZAHIRKAN SETINGGI-TINGGI RASA KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA DENGAN IZINNYA JUA; BETA DAN RAJA PERMAISURI AGONG DAPAT BERANGKAT BAGI MENYEMPURNAKAN ISTIADAT KONVOKESYEN KE-90 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA.

BETA DAN RAJA PERMAISURI AGONG INGIN MENZAHIRKAN UCAPAN TAHNIAH KEPADA PARA GRADUAN DAN KELUARGA YANG TURUT SERTA MERAIKAN KEJAYAAN YANG BAKAL MENCORAKKAN MASA DEPAN PARA GRADUAN.

DALAM MENGHARUNGI ZAMAN YANG PENUH KOMPETITIF INI; PARA GRADUAN HENDAKLAH BEKERJA KERAS DALAM SETIAP KERJAYA YANG BAKAL DICEBURI. TIADA JALAN PINTAS UNTUK MENGECAPI SESUATU KEJAYAAN. RAHSIA UNTUK BERJAYA DALAM KEHIDUPAN HANYALAH MELALUI KEPERIBADIAN YANG DISULAMI SIFAT USAHA, TAQWA DAN MULIA.

KEPERIBADIAN INI LAH YANG WAJIB DIJUNJUNG OLEH SETIAP GRADUAN DALAM MENGHARUNGI ALAM PEKERJAAN DAN LIKU-LIKU KEHIDUPAN.

SELAIN ITU, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA YANG DIBANGUNKAN ATAS SEMANGAT UNTUK MEMARTABATKAN BANGSA; TURUT WAJAR UNTUK MENERAPKAN NILAI-NILAI PERPADUAN DAN PENYATUAN RAKYAT MALAYSIA YANG BERBILANG KAUM DAN AGAMA.

JUSTERU; AMATLAH BERTEPATAN BAGI UNIVERSITI INI UNTUK TURUT MENDAULATKAN INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU AGAR IANYA MENJADI SEBATI DALAM JIWA ANAK-ANAK MUDA BANGSA. INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU ADALAH MERUPAKAN IDENTITI TAMADUN PEMERINTAHAN NEGERI BERAJA; YANG MENJADI PAYUNG KEPADA PERPADUAN DAN PENYATUAN.

IDENTITI INI PERLU TERUS DISUBUR DAN DITANAM DALAM SETIAP JIWA ANAK-ANAK MUDA; KHUSUSNYA PARA GRADUAN UNIVERSITI INI. SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI YANG KAYA DENGAN WARISAN SEJARAH; UNIVERSITI INI HENDAKLAH SENTIASA MENYUNTIK NAFAS DINAMIK DALAM PEMBENTUKAN ACUAN MASYARAKAT BERBILANG BANGSA DAN UGAMA YANG BERSATU-PADU DI BAWAH PAYUNG PEMERINTAHAN BERAJA.

HANYA MELALUI KESATUAN DAN PERPADUAN SAHAJALAH, NEGARA KITA MALAYSIA AKAN TERUS MENGORAK LANGKAH MERINTASI SEGALA HALANGAN MENUJU KE MERCU KEJAYAAN.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN.

MENGAKHIRI TITAH; BETA DAN RAJA PERMAISURI AGONG MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA PARA GRADUAN YANG TELAH BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN MEREKA.

BETA BERDOA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA MUDAH-MUDAHAN PARA GRADUAN SEKALIAN DIKURNIAKAN KEBERKATAN HIDUP, KEMURAHAN REZEKI DAN KELUHURAN ROHANI UNTUK KEMBALI BERBAKTI KEPADA IBU BAPA, KELUARGA DAN NEGARA TERCINTA.

PADUKA ANAKANDA TURUT BERDOA AGAR IKATAN PERSAHABATAN DAN KEKELUARGAAN DI ANTARA MALAYSIA DAN NEGARA BRUNEI DARUS-SALAM AKAN TERUS TERJALIN RAPAT DAN BERSIMPUL ERAT UNTUK SELAMA-LAMANYA.

SAMA-SAMALAH KITA BERDOA SEMOGA ALLAH SUBHANAHU WATAALA MELANJUTKAN USIA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUS-SALAM; SERTA KEKAL KARAR MEMERINTAH DENGAN SEGALA KEMULIAANNYA.

MUDAH-MUDAHAN ALLAH SUBHANAHU WATAALA AKAN SENTIASA MERAHMATI SERTA MELINDUNGI MALAYSIA DAN NEGARA BRUNEI DARUS-SALAM SERTA SEKALIAN RAKYATNYA.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته